

02 FEB 2003

Abdullah - Tugas

TAK WAJAR BINCANG PENGUNDURAN KERANA DR MAHATHIR MASIH MEMIMPIN, KATA  
ABDULLAH

KEPALA BATAS, 2 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu semua pemimpin Barisan Nasional menumpukan perhatian kepada tugas masing-masing serta meneruskan dasar yang telah ditetapkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi memastikan pembangunan dan kemajuan negara berterusan.

Timbalan Perdana Menteri berkata sebarang perbincangan mengenai pengunduran mana-mana pihak daripada jawatan masing-masing pada masa ini tidak wajar memandangkan Dr Mahathir masih lagi memimpin negara.

Beliau berkata semua pihak harus memberikan sokongan padu kepada Dr Mahathir dan melaksanakan tugas yang telah diarahkannya serta meneruskan segala dasar beliau.

"Banyak lagi kerja yang belum habis dan kepimpinan Dr Mahathir masih berterusan pada waktu ini. Beliau masih lagi Perdana Menteri pada waktu ini sehingga Oktober nanti dan kita kenalah bagi perhatian untuk menjalankan kerja-kerja yang telah diarahkan oleh beliau dan dasar-dasar yang perlu dilaksanakan. Itu yang patut kita bagi perhatian," katanya kepada pemberita selepas menghadiri rumah terbuka sempena Tahun Baru Cina anjuran MCA Bahagian Kepala Batas di sini hari ini.

Yang turut hadir ialah Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Abdullah berkata semua pihak sama ada wakil rakyat atau menteri, perlu terus memberi penghayatan kepada kerja mereka kerana sekarang ini bukanlah masanya untuk memikirkan soal pengunduran.

Semalam Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik mencadangkan supaya semua anggota kabinet Dr Mahathir meletak jawatan apabila Perdana Menteri berundur Oktober ini bagi membolehkan Abdullah selaku pengganti, dapat membentuk kabinet beliau sendiri.

Sambil menyifatkan cadangan itu sebagai pendapat peribadi Dr Lim, Timbalan Perdana Menteri berkata beliau menghargai tindakan pelbagai pihak untuk memberinya peluang untuk menyusun sendiri barisan kepimpinan kerajaan selepas pengunduran Dr Mahathir dan berpendapat mereka ikhlas dalam hal itu.

"Saya hargai dan saya faham kenyataan yang dibuat itu. Dengan itu, saya tidak mempersoalkannya sangat," kata Abdullah.

Beliau berkata apa yang penting ialah semua kerja yang ada sekarang ini perlu diselesaikan terlebih dahulu.

"Lepas pada itu, kita fikirlah kemudian," katanya.

-- BERNAMA

ZU MAI